



● Ben Leong bersama plala Selangor Masters yang dimenanginya tahun lalu.

Selangor Masters kekal kalendar Asian Tour hingga 2010

PETALING JAYA - Kerajaan negeri Selangor komited meletakkan kejohanan golf Worlwide Holdings Selangor Masters dalam kalendar Asian Tour sehingga tahun depan.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Ramli Mahinud berkata, kerajaan negeri bersetuju memberikan sokongan terhadap penganjuran Selangor Masters berdasarkan kejayaannya muncul kali pertama dalam kalendar Asian Tour tahun lalu.

Menurut Ramli, Worlwide Holdings sekali lagi akan menaja kejuaraan Selangor Masters yang bakal berlangsung di Kelab Golf Seri Selangor dari 5 hingga 8 Ogos nanti dengan hadiah keseluruhan RM1 juta.

"Kerajaan negeri komited sepenuhnya dalam menjayakan Selangor Masters dan kami akan terus memainkan peranan mengekalkannya sebagai kejohanan bertaraf antarabangsa yang meletakkan Selangor dan Malaysia dalam peta golf dunia.

"Melalui kerjasama erat dengan Asian Tour, ia akan meletakkan Selangor sebagai destinasi golf popular serta membuka lebih banyak peluang pelancongan," kata Ramli.

Menurut Ramli, empat pemain muda amatir kebangsaan mendapat jempukan penaja menyertai Selangor Masters melalui Selangor International Junior Masters.

Kejohanan tahun lalu menyaksikan pemain muda negara, Ben Leong muncul juara dan tahun ini beliau akan turun mempertahankan kejuaraannya.